

## **Model Holistik Integriti Akademik Berteraskan Islam bagi Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia**

### ***A Holistic Islamic-Based Academic Integrity Model for Higher Education Institutions in Malaysia***

Khairuldin, W. M. K. F. W.

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Terengganu, Malaysia

Artificial Intelligence for Sustainability and Islamic Research Center (AISIR), Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

Tel: +6013-2835651 E-mel: wanfirdaus@unisza.edu.my

Anas, W. N. I. W. N. (Pengarang Penghubung)

Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

Tel: +6013-9112147 E-mel: wnizzatianas@unisza.edu.my

Embong, A. H.

Pusat Pendidikan Asas & Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

Tel: +6013-7395195 E-mel: hanis.embong@umt.edu.my

Hassan, S. A.

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Bangunan D04, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia

Tel: +60179339694 E-mel: shahir@usm.my

Suhaimi, M. A.

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

Tel: +6011-15530734 E-mel: afhamsuhaimi310@gmail.com

Idham, M. A.

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

Tel: +6011-15105603 E-mel: amnanidham@gmail.com

#### **Abstrak**

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi memperkuuh integriti penjawat awam, terutamanya dalam

kalangan akademik yang merupakan tunjang penting sistem pendidikan. Fenomena seperti kemerosotan disiplin akademik, pelanggaran etika dalam penulisan, kekurangan kecekapan dalam

penyeliaan, serta cabaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) terus mencerminkan permasalahan ini. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memperkenalkan garis panduan integriti untuk golongan akademik di seluruh institusi pengajian tinggi Malaysia. Namun begitu, peningkatan kes berkaitan isu integriti dan etika dalam kalangan ahli akademik mencetuskan persoalan tentang keberkesanan panduan tersebut. Kajian ini bertujuan membangunkan satu model integriti yang komprehensif bagi menambah baik garis panduan integriti akademia di Malaysia pada masa kini. Melalui pendekatan penyelidikan dokumentari dan analisis kandungan, kajian ini mencadangkan model integriti akademik holistik berteraskan nilai-nilai Islam. Model ini diinspirasikan daripada amalan integriti para ulama klasik dan kontemporari dalam aspek penulisan, pengajaran, dan pengurusan. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memperkuuh integriti akademik di Malaysia secara signifikan, sekali gus menyediakan asas kukuh untuk perumusan dasar integriti masa hadapan yang sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan 16 (SDG 16) yang memfokuskan kepada pengukuhan integriti di peringkat nasional.

**Kata Kunci:** Integriti akademik; Pengajian Tinggi; Amanah; Integriti Islam; Etika

### Abstract

*Numerous initiatives by the government to strengthen public servant integrity particularly among academics who serve as the backbone of the education hierarchy. Incidents such as the decline in academic discipline, ethical violations in scholarly writing, supervisory inefficiencies, and challenges in teaching and learning (T&L) highlight these ongoing issues. The Ministry of Higher Education (MOHE) has introduced integrity guidelines for*

*academics across all Malaysian institutions. Nevertheless, the rising prevalence of ethical and integrity-related issues among academics raises questions about the effectiveness of these guidelines. This study aims to develop a comprehensive integrity model to enhance the current academic integrity guidelines in Malaysia. Using a documentary research approach and content analysis, the study proposes a holistic Islamic-based academic integrity model inspired by the integrity practices of classical and contemporary scholars in writing, teaching, and management. The findings are expected to significantly elevate academic integrity in Malaysia while providing a robust foundation for future integrity policies aligned with the government's Sustainable Development Goal 16 (SDG 16), which emphasizes strengthening integrity at the national level.*

**Keywords:** Academic integrity; Higher Education; Trustworthy; Islamic Integrity; Ethics

### Pengenalan

Asas bagi mana-mana institusi adalah kepatuhan kepada integriti. Menurut Widang dan Fridlund (2003), integriti berasal daripada perkataan Latin '*integer*' yang bermaksud keseluruhan, sempurna, dan kesatuan yang teguh. Terdapat empat perspektif integriti yang dikenal pasti, iaitu konsistensi nilai peribadi, komitmen kepada nilai peribadi, komitmen kepada nilai komuniti, dan komitmen kepada nilai mulia (*Stanford Encyclopedia of Philosophy*, 2013). Musschenga (2001) menjelaskan bahawa integriti adalah satu bentuk konsistensi dan koherensi dalam individu, yang menghubungkan nilai-nilai etika yang mereka pegang dengan amalan dan pertuturan mereka. Manap et al. (2005) menjelaskan bahawa kecemerlangan sesebuah institusi dan organisasi boleh dicapai secara objektif melalui kepatuhan

yang konsisten terhadap nilai-nilai mulia yang disertai dengan komitmen setiap ahlinya.

Agensi awam ditubuhkan dengan objektif utama untuk memenuhi keperluan rakyat dan negara. Untuk mencapai objektif ini, sistem penyampaian perkhidmatan awam yang tinggi integritinya diperlukan bagi melaksanakan dasar-dasar kerajaan dengan berkesan (Noh et al., 2014). Kepentingan integriti kepada perkhidmatan awam adalah untuk mewujudkan pentadbiran dan perkhidmatan awam yang cekap dan berdisiplin melalui penerapan nilai-nilai mulia yang dapat menangani masalah dan kelemahan dalam pelbagai aspek tadbir urus seperti pengurusan kewangan, pengendalian kes disiplin, rasuah, penyalahgunaan kuasa, dan penyelewengan yang dilarang oleh peraturan, undang-undang, dan agama (Arina & Jamilah, 2018; Manap et al., 2005).

Pelbagai dasar telah dirumuskan oleh kerajaan Malaysia untuk memastikan integriti dalam kalangan penjawat awam. Ini menunjukkan komitmen kerajaan untuk meningkatkan kualiti penjawat awam (Abd. Rahman, 2005). Ini jelas terbukti dalam penubuhan Pelan Integriti Nasional (PIN) pada tahun 2004, diikuti oleh Biro Pengaduan Awam (BPA) pada tahun 2000, dan penetapan Indeks Prestasi Utama (KPI) untuk enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang menekankan prinsip integriti dan bebas rasuah pada tahun 2014. Pada tahun 2019, Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023 diperkenalkan untuk menggantikan PIN dan NKRA (Idris, 2019). Dari satu sudut pandang, pengemaskinian pelan dan dasar integriti nasional ini bertujuan untuk

menjadikan penjawat awam lebih bertanggungjawab dan memaksimumkan prestasi.

Walau bagaimanapun, Indeks Persepsi Rasuah (CPI), yang mengukur tahap pematuhan integriti di Malaysia, tidak mencerminkan usaha kerajaan telah membawa hasil. Selain daripada memberi tumpuan kepada salah laku rasuah, salah satu ukuran utama CPI adalah keupayaan kerajaan untuk memperkuuh integriti dalam pentadbiran negara (*Transparency International*, 2023). Pematuhan kepada aspek integriti di Malaysia berdasarkan indeks ini adalah sederhana, dengan penurunan ketara dalam beberapa sektor yang membimbangkan.


Arifin dan Ahmad (2016) menjelaskan bahawa integriti dan prestasi penjawat awam di Malaysia adalah pada peringkat yang merisaukan. Isu salah laku yang menjelaskan integriti perkhidmatan awam ini termasuk ketidakhadiran kerja (61.4%), pelanggaran disiplin (13.1%), salah laku lain (12.6%), penyalahgunaan dadah (2.3%), penerimaan hadiah dan rasuah (2.3%), hutang serius (0.3%), dan pemilikan aset yang melebihi kemampuan kerjaya (0.1%). Masalah integriti penjawat awam ini dapat dilihat berdasarkan indeks CPI apabila Malaysia mencatatkan 47 mata pada tahun 2022, berbanding 48 mata pada tahun 2021 dan 51 mata pada tahun 2020. Ini menunjukkan penurunan berterusan dari 53 mata yang direkodkan pada tahun 2019, dengan jumlah penurunan sebanyak 6 mata dalam tempoh tiga tahun. Selain itu, kedudukan Malaysia telah merosot dari tempat ke-51 pada tahun 2019 kepada tempat ke-61 pada tahun 2022. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan Rajah 1.

ASIA PACIFIC

## MALAYSIA

Share how your country is doing [Twitter](#) [Facebook](#) [Email](#)

Score	Score changes 2012 - 2023
50/100 <a href="#">What does the CPI score mean?</a>	
Rank	Score change
57/180	↑ +3 since 2022



Rajah 1: Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2023

Sumber: Transparency International, <https://www.transparency.org/en/cpi/2023/index/mys>

Masalah integriti yang semakin meningkat di Malaysia jelas menunjukkan bahawa usaha kerajaan untuk memperkuuh integriti melalui pelbagai garis panduan dan dasar belum diterjemahkan ke dalam realiti. Lebih mengecewakan lagi, negara bukan Islam sering kali menduduki tempat yang lebih tinggi berbanding negara Islam, walaupun prinsip kepercayaan dan moraliti Islam sering kali dipromosikan.

Golongan akademik juga merupakan sebahagian daripada perkhidmatan awam dalam sektor pendidikan di Malaysia. Mereka adalah profesional yang menjadi tulang belakang pendidikan. Menurut Yusoff (2019), akademik bukan sahaja menyampaikan ilmu tetapi juga menginspirasi pelajar berdasarkan kepakaran mereka. Akademik adalah sarjana yang ditempatkan di universiti, memberikan perkhidmatan kepada rakan sekerja, pelajar, pegawai agensi awam dan swasta, serta orang awam, terutamanya melalui penyelidikan. Mereka juga menterjemahkan penemuan penyelidikan ke dalam buku akademik, jurnal berimpak, atau monograf penyelidikan. Pada masa yang sama, mereka berperanan sebagai intelektual awam yang menyampaikan pendapat dan pandangan kepada masyarakat melalui penulisan atau syarahan umum. Memandangkan peranan dan kedudukan mereka yang penting dalam

masyarakat, pengurusan integriti yang berkesan adalah penting.

Pada tahun 2010, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah melaksanakan Kajian Wibawa, Integriti, dan Profesionalisme (WIP) sebagai inisiatif awal untuk menilai keadaan semasa berkaitan wibawa, integriti, dan profesionalisme di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia. Hasil daripada kajian tersebut, KPT bertindak proaktif dengan memperkenalkan garis panduan integriti yang dirumus khas untuk panduan ahli akademik di semua IPT di negara ini. Namun begitu, garis panduan tersebut belum diperbaharui selama lebih daripada 14 tahun, meskipun perkembangan teknologi dan perubahan sosial yang pesat menuntut penyesuaian terhadap keperluan semasa.

Sejarah pendidikan dan penulisan oleh sarjana Islam telah bermula lama dan mereka sangat mementingkan etika dan integriti dalam setiap gerak kerja yang dihasilkan. Dalam kehidupan sebagai pendidik yang merangkumi aspek pengajaran, khidmat masyarakat, pentadbiran, mereka menjadikan Rasulullah SAW yang turut seorang murabbi sebagai asas. Manakala dalam penulisan, kaedah penulisan al-Quran dan hadith yang mementingkan keaslian dan kejujuran dipasak menjadi teras (Abd.

Rahman, 2004). Hal ini dapat dilihat dalam ketelitian ulama Islam yang penuh beretika dalam penulisan hadith (al-Tahhan, 1996), selain keintegritan mereka dalam pelbagai penulisan kitab dan buku yang dihasilkan oleh sarjana Islam sejak berabad lamanya. Konsep amanah dan tanggungjawab seringkali menjadi perbahasan para sarjana Islam selain menekankan kepada aspek akhlak secara lahiriah dan batiniah (al-Ghazali, 2004).

Para sarjana Islam turut aktif dalam membincangkan etika dan konsep dalam perkongsian bahan-bahan ilmiah termasuklah harta intelek (Syibir, 1996; Qal'ahji, 1999). Oleh itu, Isu integriti dalam ahli akademik secara khusus dan penjawat awam secara umum wajar dilihat melalui perspektif Islam yang sudah lama membincangkan konsep keetikaan dan akhlak integriti dalam pelbagai ruang lingkup. Selain itu, memandangkan permasalahan integriti dalam ahli akademik ini turut melibatkan oleh sebahagian kecil ahli akademik Islam, amalan ini sewajarnya diteliti melalui perspektif Islam dalam memastikan pembangunan integriti ahli akademik di Malaysia berlandaskan ajaran Islam. Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan untuk membangunkan satu model integriti yang holistik bagi menambah baik garis panduan integriti akademia di Malaysia. Model holistik integriti akademik berteraskan Islam dicadangkan dengan mengambil kira prinsip-prinsip Islam, keperluan semasa institusi pendidikan, serta cabaran etika dan profesionalisme dalam Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia.

## Metodologi

Artikel ini menggunakan pendekatan analisis dokumen untuk mengumpul data yang relevan. Garis Panduan Integriti Akademik Institut Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia dan literatur berkaitan dengan

integriti Islam menjadi asas dalam artikel ini. Kaedah analisis dokumen ini dipilih kerana ia membolehkan pemeriksaan dan penafsiran dokumen dilakukan secara sistematis dan objektif.

Data-data ini kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Analisis kandungan ialah kaedah penyelidikan yang berstruktur, yang bertujuan untuk membuat kesimpulan berdasarkan corak dan tema yang dikenal pasti dalam dokumen (Krippendorff, 2004). Menurut Lebar (2009), penggunaan kaedah analisis kandungan adalah tepat dalam menilai data melalui penjelasan sistematis terhadap teks bertulis, termasuk dokumen seperti karya akademik, dasar institusi, dan enakmen undang-undang. Dalam konteks kajian ini, analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti prinsip-prinsip utama integriti akademik berteraskan Islam dan menilai keberkesanan garis panduan sedia ada di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia.

## Dapatan Kajian dan Perbincangan

### *Cabar dan Dimensi Etika dalam Amalan Akademik*

Nilai integriti yang tinggi dalam kalangan ahli akademik menggambarkan keutamaan yang ditetapkan dalam sektor pendidikan terutama institusi pengajian tinggi. Kedudukan integriti akademik perlu dipertingkatkan pada era masa kini yang mencapai kemajuan teknologi yang tinggi. Semakin tinggi nilai integriti dalam sesebuah institusi pendidikan tinggi, semakin tinggi kepercayaan akan diberikan oleh pihak berkepentingan sama ada pelajar, masyarakat dan industri (McGee, 2013).

Sultana (2018) dan Sims (1993) misalnya mendapati pelbagai kecurangan etika yang berlaku dalam proses PdP telah berlaku

terutama dari sudut pemarkahan dan pengajaran oleh ahli akademik. Bahkan, peningkatan ketara berlaku apabila pengajaran berlaku dalam bentuk atas talian. Terdapat pelbagai permasalahan yang berlaku dalam penulisan akademik pada masa kini. Amalan boncengan gratis merupakan masalah yang telah mewarnai isu integriti ahli akademik (Khairuldin et al., 2024; Hassan & Khairuldin, 2020). Menurut Yusoff (2017), boncengan gratis adalah salah satu kesalahan dalam kalangan ahli akademik untuk mengambil manfaat bagi kepentingan peribadi tanpa sumbangan diberikan.

Selain itu, penipuan, plagiarisme, pemalsuan data dan kolaborasi yang tidak jelas turut mendapat perhatian serius pihak KPT di Malaysia. Jones (2011) pula mengakui kewujudan plagiat dalam dunia akademik masa kini adalah pada peringkat kritikal. Talib (2016) menekankan kegiatan plagiarisme sebagai salah laku yang paling perlu mendapat perhatian bagi menjamin ketulenan karya ilmiah yang dihasilkan. Bahkan, amalan ini turut melibatkan ahli akademik Islam sedangkan Islam memandang buruk amalan yang tidak beretika seperti ini (Moten, 2012).

Masalah integriti juga berlaku pada aspek penyeliaan pelajar. Sesetengah ahli akademik gagal memahami tanggungjawab mereka sebagai penyelia dan hanya meletakkan beban kepada pelajar (John et al., 2014). Selain itu, salah laku rasuah dan penipuan sijil (Yusoff & Geraldine, 2020) juga memberi kesan negatif kepada integriti ahli akademik masa kini. Walaupun pelanggaran ini mungkin melibatkan sebilangan kecil akademik, ia memberi kesan besar kepada sektor pendidikan tinggi ini kerana ahli akademik sangat dihormati dalam masyarakat.

Kemajuan teknologi telah membawa era baru dalam struktur pendidikan di seluruh

dunia, termasuk Malaysia. Dalam pendidikan tinggi, perkembangan teknologi telah diterima secara meluas, terutamanya semasa pandemik COVID-19. Walaupun impak positif telah muncul daripada krisis ini, isu integriti juga semakin membarah (Auerbach & Zeitoun, 2021). Antara isu utama masa kini termasuk plagiarisme dan penggunaan kecerdasan buatan (AI), selain pelaksanaan pengajaran yang tidak konsisten (Devries et al., 2020; Hafferty & Franks, 2020). Klenowski et al. (2020) menjelaskan perbezaan penggunaan teknologi dalam pembelajaran akan terus berlaku walaupun setelah wabak Covid-19 telah lenyap. Oleh itu, panduan yang jelas perlu dibangunkan bersesuaian dengan zaman agar sistem pembelajaran dapat mencapai tahap tertinggi dan mencapai objektif yang diharapkan.

Di Malaysia, ahli akademik dikawal oleh gagasan Wibawa, Integriti dan Profesionalisme (WIP) dan ditentukan oleh Nilai Teras Akademik, iaitu mencari kebenaran, mengejar kecemerlangan, berkongsi ilmu, menghormati kepelbagaiannya pendapat dan menjunjung etika akademik (Kementerian Pengajian Tinggi, 2015). Pada tahun 2010, KPT telah menjalankan kajian Wibawa, Integriti dan Profesionalisme atau WIP (2010) untuk menganalisis situasi semasa wibawa, integriti dan profesionalisme di IPT Malaysia. Hal ini berikutan terdapat pelbagai isu etika dan integriti yang melanda penjawat awam ketika itu. Pelan Tindakan Pelaksanaan Pelan Integriti Naional (PIN) pengajian tinggi (2010-2015) kemudiannya digubal bersama-sama Garis Panduan Integriti Akademik IPT Malaysia (2010) bagi meningkatkan tahap integriti ahli akademik. Hasilnya, KPT secara pro-aktif telah membina garis panduan integriti untuk ahli akademik bagi semua IPT di Malaysia yang mempunyai enam teras yang merangkumi lima skop integriti akademik merangkumi: (a)

Pengajaran dan Pembelajaran; (b) Penyelidikan dan Pengkomersilan; (c) Perundingan; (d) Penerbitan; (e) Khidmat Masyarakat; dan (f) Pentadbiran. Rajah 2

menjelaskan tentang enam teras dalam Garis Panduan Integriti Akademik IPT Malaysia:



Rajah 2: Enam teras Garis Panduan Integriti Akademik IPT Malaysia

Tidak dapat dinafikan bahawa garis panduan yang dibangunkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE) merangkumi semua elemen penting dalam tugas sebenar seorang ahli akademik. Walau bagaimanapun, garis panduan ini dianggap terlalu umum, ringkas, dan masih berakar umbi dalam perspektif keilmuan Barat secara falsafah (Yusoff, 2017). Selain itu, garis panduan ini telah dibangunkan lebih daripada 14 tahun yang lalu tanpa kemaskini susulan. Tambahan pula, era teknologi telah memperkenalkan dimensi yang berbeza kepada isu-isu integriti dalam institusi pengajian tinggi. Isu-isu seperti plagiarisme, penggunaan bot kecerdasan buatan, pembelajaran dan penilaian dalam talian perlu dikaji dengan mendalam untuk memastikan garis panduan ini kekal relevan dalam keadaan semasa.

#### *Etika dan Integriti Menurut Perspektif Islam*

Islam adalah agama yang sangat mementingkan nilai etika dan akhlak yang baik dalam kehidupan. Islam sangat mementingkan integriti dan menjadi asas kepada kehidupan manusia dalam meningkatkan kualiti kehidupan

keagamaan dan kehidupan dunia. Selain nas al-Quran dan nas yang banyak membicarakan tentang perkara ini, sarjana Islam turut proaktif dalam menjelaskan tentang etika kesarjanaan Islam yang memfokuskan kepada pendidik atau ulama. Al-Ajurriy (1987) dalam *Akhlik al-Ulama'* misalnya menekankan konsep ikhlas dan jujur dalam setiap tingkah laku terutama dalam penyampaian ilmu merupakan komponen paling penting kepada setiap ulama Islam.

Ibn ‘Abd al-Bar (2000) telah mengarang kitab *Jami‘al-Bayan al-‘Ilm wa Fadlih* yang turut mengemukakan konsep ikhlas menjadi asas kepada orang yang mencari dan menyampai ilmu. Keikhlasan akan menterjemahkan nilai akhlak yang murni dalam pelbagai sudut lain pekerjaan seseorang. Selain itu, al-Baghdadiy (1997) terutama dalam karya agung beliau berjudul *al-Faqih wa al-Mutafaqih* telah menggariskan beberapa etika yang perlu oleh dihayati oleh para sarjana Islam antaranya niat yang baik, etika berpakaian, menjaga maruah dan sebagainya. Ini merupakan antara sebahagian kecil literatur sarjana Islam yang mengetengahkan konsep etika dan akhlak kepada pendidik.

Integriti dalam Islam berakar pada prinsip-prinsip yang mendasari keimanan dan akhlak manusia, iaitu tauhid, amanah, kejujuran, dan tanggungjawab. Prinsip-prinsip ini membentuk panduan moral dan etika bagi individu Muslim dalam setiap aspek kehidupan. Dalam Islam, integriti tidak hanya berkaitan dengan kejujuran dalam tindakan, tetapi juga keselarasan antara niat dan amal perbuatan yang berpaksikan kepada nilai-nilai syariah dan maqasid syariah.

Pertama, tauhid. Tauhid adalah asas kepada integriti dalam Islam. Tauhid menegaskan keesaan Allah SWT dan mencerminkan hubungan langsung manusia dengan Pencipta. Keimanan kepada Allah SWT menanamkan rasa tanggungjawab spiritual dalam setiap tindakan individu. Tauhid memastikan bahawa setiap perbuatan dilakukan dengan kesedaran bahawa Allah Maha Melihat dan Maha Mengetahui, seperti firmanNya:

Maksudnya: "Katakanlah (Muhammad), Dialah Allah, Yang Maha Esa. Allah tempat meminta segala sesuatu. Dia tidak beranak dan tidak pula diperanakkan, dan tidak ada sesuatu pun yang setara dengan-Nya." (Surah Al-Ikhlas, 112:1-4)

Kamali (2010) menyatakan bahawa tauhid membentuk asas moral manusia, memastikan integriti dilaksanakan bukan hanya untuk kepentingan dunia tetapi juga untuk mencapai keredhaan Allah SWT. Prinsip tauhid ini menggerakkan manusia untuk bertindak dengan ikhlas, menghindarkan diri daripada penyelewengan, dan memelihara keadilan dalam setiap urusan.

Kedua, amanah. Amanah adalah elemen

penting dalam integriti Islam yang berkait rapat dengan tanggungjawab yang diberikan kepada seseorang. Dalam Surah al-Nisa', Allah SWT berfirman:

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala amanah kepada ahlinya..." (Surah al-Nisa', 4:58)

Ayat ini menyuruh agar amanah diserahkan kepada yang berhak, mencerminkan betapa pentingnya sifat ini dalam kehidupan manusia. Al-Ghazali (2004) menekankan bahawa amanah bukan hanya dalam konteks kepimpinan, tetapi meliputi semua tanggungjawab individu, termasuk pekerjaan, keluarga, dan masyarakat. Dalam konteks pentadbiran dan pengurusan, amanah memastikan bahawa seseorang tidak menyalahgunakan kuasa atau kedudukan mereka untuk kepentingan peribadi, sekali gus menegakkan prinsip keadilan dan kepercayaan.

Ketiga, *sidq* (kejujuran). *Sidq* adalah inti kepada hubungan manusia dengan Allah SWT dan sesama manusia. Kejujuran tidak hanya dalam percakapan, tetapi juga dalam tindakan dan niat. Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: "Hendaklah kamu berkata benar, kerana kebenaran itu membawa kepada kebaikan, dan kebaikan itu membawa ke syurga." (Riwayat Bukhari, 6094)

Kejujuran adalah asas kepada kepercayaan dalam masyarakat dan mencerminkan integriti moral individu. Kekurangan kejujuran, menurut beliau, adalah punca utama kepada kemerosotan moral dan konflik sosial (Rokhman et al., 2018). Dalam kehidupan seharian, kejujuran memastikan keselarasan antara kata dan

tindakan, sekali gus membentuk asas kepada etika profesional, termasuk dalam bidang perniagaan, politik, dan akademik.

Keempat, tanggungjawab atau *mas'uliyyah* melengkapi prinsip-prinsip integriti Islam dengan menekankan kesedaran bahawa setiap tindakan manusia akan dipertanggungjawabkan kepada Allah SWT. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Muddathir:

Maksudnya: "Setiap diri bertanggungjawab terhadap apa yang telah diperbuatnya."  
(Surah Al-Muddathir, 74:38)

Islam menegaskan bahawa setiap individu bertanggungjawab terhadap apa yang telah dilakukan. Menurut Rahim (2000) dan Merican (2005), tanggungjawab tidak hanya melibatkan pemimpin, tetapi juga individu dalam semua peranan kehidupan. Kesedaran tentang tanggungjawab ini memastikan seseorang berhati-hati dalam membuat keputusan, mengutamakan keadilan dan kebenaran dalam setiap tindakannya.

Keempat-empat prinsip ini - tauhid, amanah, kejujuran, dan tanggungjawab - adalah kerangka integriti yang holistik dalam Islam. Prinsip-prinsip ini bukan sahaja mengatur hubungan manusia dengan Allah SWT, tetapi juga membentuk hubungan sosial dan profesional yang adil dan amanah. Dalam konteks cabaran moden seperti globalisasi dan teknologi digital, prinsip-prinsip ini menyediakan panduan moral untuk memastikan keseimbangan antara tuntutan duniaawi dan ukhrawi.

#### *Model Holistik Integriti Akademik Berteraskan Islam bagi Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia*

Integriti akademik adalah penting untuk

kelangsungan dan kemampanan institusi pendidikan tinggi. Integriti akademik melibatkan isu seperti plagiarisme, penipuan, dan pelanggaran etika dalam penyelidikan serta penulisan melanda semua institusi pendidikan tinggi sama ada di Malaysia atau selainnya. Walaupun terdapat garis panduan dan prosedur yang bertujuan mempromosikan integriti, masih terdapat cabaran berterusan yang memerlukan pembangunan model yang lebih kukuh dan bersesuaian dengan norma semasa. Model integriti akademik berasaskan Islam menawarkan rangka kerja yang menyeluruh, selari dengan latar belakang budaya dan agama Malaysia, yang berpotensi meningkatkan pematuhan kepada standard etika dalam pendidikan tinggi.

Prinsip-prinsip Islam adalah penting dalam memupuk integriti dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk dalam akademik. Prinsip-prinsip ini tertanam dalam ajaran Islam dan menawarkan rangka asas yang kukuh dalam etika dan integriti.

Model Holistik Integriti Akademik Berteraskan Islam menawarkan pendekatan menyeluruh untuk memperkuatkan integriti dalam institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia. Model ini berfungsi sebagai kerangka kerja strategik yang mengintegrasikan nilai-nilai asas Islam seperti tauhid, amanah, kejujuran, dan tanggungjawab ke dalam enam teras utama akademik: pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan pengkomersilan, perundingan, penerbitan, khidmat masyarakat, dan pentadbiran. Dengan ini, model ini tidak hanya memenuhi keperluan integriti dari sudut etika konvensional tetapi juga menanamkan dimensi spiritual yang unik kepada Islam.

Prinsip tauhid memberikan asas moral kepada model ini, iaitu semua tindakan akademik dipandu oleh kesedaran bahawa

ia adalah amanah yang akan dipertanggungjawabkan kepada Allah SWT. Tauhid mengarahkan ahli akademik untuk bertindak dengan ikhlas, memastikan niat dan tindakan mereka selaras dengan kehendak syariah. Ini menanamkan rasa tanggungjawab yang mendalam dalam kalangan akademik, membolehkan mereka bertindak secara telus dan adil, terutamanya dalam pengajaran, penyelidikan, dan pentadbiran.


Amanah adalah elemen penting dalam memastikan tugas akademik dilaksanakan dengan integriti yang tinggi. Sebagai penjaga ilmu, ahli akademik mempunyai tanggungjawab besar untuk memastikan bahawa mereka menyampaikan ilmu dengan tepat dan tanpa penyelewengan. Dalam konteks penyelidikan, amanah bermakna menjaga ketulenan data dan hasil penyelidikan, manakala dalam pentadbiran, ia menuntut pengurusan sumber secara adil dan cekap. Amanah dalam konteks Islam, seperti yang diuraikan oleh al-Ghazali (2004), merangkumi setiap aspek kehidupan, termasuk hubungan sosial, pengurusan tanggungjawab, dan ketulusan.

Kejujuran atau *sidq* adalah nilai asas yang memastikan kebenaran dan ketulusan dalam semua aspek akademik. Dalam pengajaran, kejujuran memastikan bahawa ahli akademik memberikan penilaian yang adil kepada pelajar. Dalam penyelidikan dan penerbitan, ia melibatkan pencegahan plagiarisme dan memastikan bahawa hasil kerja adalah asli dan bebas daripada manipulasi. Kejujuran juga relevan dalam perundingan, di mana ahli akademik mesti memberikan pandangan dan nasihat yang berdasarkan fakta dan etika. Islam

menganggap kejujuran sebagai asas kepada kepercayaan dan keadilan dalam masyarakat, dan ketiadaannya akan mencemarkan integriti institusi pengajian tinggi.

Prinsip tanggungjawab dalam model ini menekankan kebertanggungjawaban ahli akademik terhadap Allah SWT, institusi, pelajar, dan masyarakat. Dalam konteks akademik, tanggungjawab merangkumi pelaksanaan tugas dengan penuh dedikasi dan mengambil kira impak sosial hasil kerja mereka. Sebagai contoh, penyelidikan yang dijalankan mesti memberikan manfaat kepada masyarakat dan tidak digunakan untuk tujuan yang boleh memudaratkan. Tanggungjawab ini juga mencakupi pematuhan kepada undang-undang dan garis panduan akademik, yang memastikan keadilan dan kebolehpercayaan dalam ekosistem akademik.

Salah satu kekuatan utama model ini ialah penekanan kepada pembudayaan nilai Islam dalam komuniti ahli akademik. Model Holistik Integriti Akademik Berteraskan Islam adalah pendekatan yang berkesan untuk memperkuuhkan integriti akademik di IPT Malaysia. Dengan mengintegrasikan nilai-nilai Islam ke dalam enam teras akademik, model ini bukan sahaja menawarkan kerangka kerja etika yang relevan tetapi juga memenuhi keperluan spiritual dan budaya masyarakat Malaysia. Pendekatan ini memastikan bahawa integriti tidak hanya dilihat sebagai keperluan profesional tetapi juga sebagai amanah kepada Allah SWT, masyarakat, dan generasi akan datang. Model ini holistik ini digambarkan berdasarkan kepada Rajah 3.



Rajah 3: Model Holistik Integriti Akademik Berteraskan Islam bagi Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia

## Kesimpulan

Model Holistik Integriti Akademik Berteraskan Islam merupakan pendekatan strategik yang menggabungkan prinsip-prinsip Islam dengan keperluan dan cabaran moden dalam institusi pengajian tinggi (IPT). Model ini menempatkan tauhid, amanah, kejujuran (*sidq*), dan tanggungjawab (*mas'uliyyah*) sebagai asas moral dan etika, yang berfungsi sebagai kerangka utama untuk menyokong enam teras akademik: pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan pengkomersilan, perundingan, penerbitan, khidmat masyarakat, dan pentadbiran. Dengan menekankan dimensi spiritual, model ini tidak hanya menumpukan kepada pematuhan kepada garis panduan formal tetapi juga menanamkan kesedaran dalaman untuk bertindak dengan penuh integriti. Penggabungan prinsip-prinsip Islam ke dalam amalan akademik memastikan nilai-nilai murni seperti keikhlasan, keadilan, dan akauntabiliti menjadi budaya dalam komuniti akademik. Implikasi model ini terhadap Matlamat

Pembangunan Lestari (SDG) adalah signifikan, terutamanya dalam menyokong SDG 4 (Pendidikan Berkualiti). Dengan memastikan pendidikan dilaksanakan berdasarkan etika dan integriti yang tinggi, model ini menyumbang kepada pembangunan graduan yang berdaya saing, bermoral, dan berintegriti. Di samping itu, penekanan kepada keadilan dan akauntabiliti dalam pengurusan pendidikan menyumbang kepada SDG 16 (Keamanan, Keadilan, dan Institusi Kukuh), memperkuuh kepercayaan masyarakat terhadap institusi pengajian tinggi sebagai agen transformasi sosial dan pembangunan lestari. Dengan pelaksanaan yang efektif, model ini bukan sahaja dapat meningkatkan reputasi IPT Malaysia tetapi juga memperkuuh sumbangannya kepada agenda pembangunan global.

## Penghargaan

Artikel ini merupakan hasil daripada Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) bertajuk "Pembangunan Model Integriti Akademia Holistik Berteraskan Islam:

Penambahbaikan Kepada Garis Panduan Integriti Akademik Institusi Pengajian Tinggi Malaysia” (FRGS/1/2023/SSI13/UNISZA/02/2) yang didanai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (MOHE).

## Rujukan

- Achufusi, K. O., dan Okeke, C. P. (2020). Faculty perspectives on academic integrity and misconduct in higher education. *Journal of Education and Practice*, 11(18): 43–51.
- Abu Bakar, N., Daud, N., Nordin, N., dan Abdullah, A. H. (2015). Developing integrated pedagogical approaches in play pedagogy: Malaysian experiences. *Asian Social Science*, 11(4): 234-245.
- Al-Ajurriy, A. B. M. (1987). *Akhlaq al-ulama'*. Mekah: Maktabah al-Thaqafah.
- Al-Baghdadiy, K. (1997) *Faqih wa al-mutafaqqih*. Rabat: ISESCO.
- Al-Ghazali. (2004). *Ihya' ulum al-din*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Tahhan, M. (1996). *Taysir mustalah al-hadith*. Al-Riyad: Maktabat al-Ma'arif.
- Arina, N. N. M., dan Jamilah, A. (2018). Pengaplikasian etika kerja Islam oleh pengamal perhubungan awam di organisasi berteraskan Islam di Malaysia. *Global Journal Al-Thaqafah*, 8(1): 93-105.
- Auerbach, A. J., dan Zeitoun, H. (2021). Addressing academic integrity in the COVID-19 era. *Higher Education*, 81(3): 417–430.
- Azmi, A. S., Anas, N., Halim, A. A., Ibrahim, M. N. A., dan Wan Mokhtar, W. K. A. (2024). Genealogy of the Prophet: Reassessing Ibn Sa'd's Qur'anic reference in Sīra Nabawiyya. *International Journal of Religion*, 5(6): 808–815.
- Daud, N., Ismail, H., Arifin, S. R. M., Embong, R., Nordin, N., dan Bichi, A. A. (2019). Benefits of breast milk for health care: Analysis from the Islamic perspective. *Indian Journal of Public Health Research and Development*, 10(9): 1846-1850
- Devries, J. M., Reid, A. H., dan Smith, J. A. (2020). COVID-19: Disruption to exam integrity threatens student equity. *Medical Education*, 54(7): 664–665.
- Hafferty, F. W., dan Franks, R. (2020). The hidden curriculum in the COVID-19 era. *Journal of Medical Ethics*, 46(9): 580–581.
- Hassan, S. A., dan Khairuldin, W. M. K. F. W. (2020). Research design based on fatwa making process: An exploratory study. *International Journal of Higher Education*, 9(6): 241-246.
- Ibn 'Abd al-Barr, 'A. (2000). *Jami'bayan al-'ilm wa fadlihi*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Idris, S. (2019, Januari 29). NACP ganti Pelan Integriti Nasional (PIN), NKRA perangi rasuah. Berita Harian. Diakses dari: <https://www.bharian.com.my/berita/nasion/al/2019/01/525281/nACP-ganti-pelan-integriti-nasional-pin-nkra-perangi-rasuah>
- Ismail, D., Khairuldin, W. M. K. F. W., dan Mohammad, M. (2014). Perkembangan dan masalah pembelajaran al-Quran dalam program j-QAF di Malaysia. *Islāmiyyāt*, 36(2): 57-66.
- John, L., Loewenstein, G., dan Rick, S. (2014). Cheating more for less: Upward social comparisons motivate the poorly compensated to cheat. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 123(2): 101–109.

Jones, D. L. R. (2011). Academic dishonesty: Are more students cheating? *Business Communication Quarterly*, 74(2): 141–150.

Kahiruldin, W. M. K. F. W., Embong, A. H., dan Anas, W. N. I. W. N. (2023). The concept of al-aql according to Islam and its role in overcoming gadget addiction. *Synesis*, 15(1): 152-165.

Kamali, M. H. (2010). *Shariah Law: an introduction*. Oneworld Publications.

Kementerian Pendidikan Tinggi. (2010). *Garis panduan integriti akademik IPT*. Putrajaya: KPT.

Khairuldin, W. M. K. F. W., Anas, W. N. I. W. N., Embong, A. H., Hassan, S. A., Hanapi, M. S., dan Ismail, D. (2019). Ethics of mufti in the declaration of fatwa according to islam. *Journal of Legal, Ethical and Regulatory Issues*, 22 (5): 1-6.

Khairuldin, W. M. K. F. W., Anas, W. N. I. W. N., Mohamad, M. Z., Embong, A. H., dan Mokhtar, W. K. A. W. (2021). The role of Prophet Muhammad S.A.W in educating children and its applications to prevent gadget addiction among children. *International Journal of Early Childhood Special Education*, 13(2): 718–722.

Khairuldin, W. M. K. F. W., Anas, W. N. I. W. N., Suhaimi, M. A., Idham, M. A., Embong, A. H., dan Hassan, S. A. (2024). Developing a holistic Islam-based academic integrity model for Malaysian higher education institutions. *Pakistan Journal of Life and Social Sciences*, 22(1): 677–686. <https://doi.org/10.57239/PJLSS-2024-22.1.0049>

Khairuldin, W. M. K. F. W., Embong, A. H., Anas, W. N. I. W. N., Mohd, H., dan Ismail, D. (2018). The application of

technology in the dissemination of fatwas: A study on religious institutions in Malaysia. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 9(7): 1590-1596.

Khairuldin, W. M. K. F. W., Fauzi, N., Anas, W. N. I. W. N., Embong, A. H., Imas, M. M., dan Hassan, A. (2020). The knowledge of mobile learning and Quranic symbols (Dabt al-Quran) in Mushaf Uthmani and mobile learning among al-Quran teachers in IMTIAZ, Terengganu. *International Journal of Advanced Science and Technology*, 29(5): 1190–1198.

Klenowski, V., Askew, S., dan Carnell, E. (2020). Learning in the time of COVID-19: Creating a culture of care and academic integrity through student-staff partnership. *Assessment and Evaluation in Higher Education*, 45(7): 943–955.

Krippendorff, K. (2004). *Content analysis: an introduction to its methodology*. California: SAGE Publications Ltd.

Lebar, O. (2009). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan method*. Perak: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Manap, J., Hamzah, A., Tamam, E., Mohd Noah, S., Amir Abdullah, A., Yahaya, N., Othman, H. A., dan Hamsan, H. H. S. (2005, Februari 2–3). Pemantapan nilai integriti individu sebagai teras pembangunan staf berkualiti. Prosiding Seminar Kebangsaan Sumber Manusia 2005, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru.

McGee, P. (2013). Supporting academic honesty in online courses. *Journal of Educators Online*, 10(1): 1–31.

Arifin, M. A. M, dan Ahmad, A. H. (2016). Kepentingan budaya integriti dan etika

kerja dalam organisasi di Malaysia: Suatu tinjauan umum. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(9): 138–149.

Merican, F. (2005). Etika dan integriti dalam akademik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad, M. Z., Mujani, W. K., Rozali, E. A., Omar, S. H. S., Othman, M. S., Syed Ab. Rahman, S. M. A., dan Hashim, J. (2014). The negative impact of religious pluralism on the Islamic society in Malaysia. *Social Sciences*, 9(3): 153–156.

Mohamad, M. Z., Gulerce, H., Zaprulkhan, M. S. I., Wan Chik, W. M. Y., Saileh, A. W., Yusof, S., Hakimi Mat Idris, M. F., Mohd, Z., Ismail, A., dan Yusoff, K. (2014). The value of moderation in the context of national unity in Malaysia. *International Business Management*, 8(1): 24–29.

Mohamad, M. Z., Che Noh, N., Md Lateh@Junid, H., Khairuldin, W. M. K. F. W., Yusof, S., Mat Idris, M. F. H., Abd Latif, F., dan Anuar, A. (2024). The importance of Nursi's thought in empowering Muslim identity. *Pakistan Journal of Life and Social Sciences*, 22(2): 518–524.

Mujani, W. K., Rozali, E. A., and Mohamad, M. Z. M. (2012). The world stability within cosmology as inspired by risale-i nur. *Journal of Advances in Natural and Applied Sciences*, 6(6): 980–984.

Mokhtar, W. K. A. W., Ibrahim, A., Khairuldin, W. M. K. F. W., Ali, A. W. M., dan Saud, M. (2024). Modeling the student leadership, citizenship, and democratisation in Islamic university in Malaysia. *International Research Journal of Multidisciplinary Scope*, 5(2): 549–563.

Moten, A. R. (2014). Academic dishonesty and misconduct: Curbing plagiarism in the Muslim world. *Intellectual Discourse*, 22(2): 167–189.

Musschenga, A. W. (2001). Education for moral integrity. *Journal of Philosophy of Education*, 35(2): 219–235. <https://doi.org/10.1111/1467-9752.00222>

Noh, M. M. M., Basir, S. A. dan Wan Husin, W. N. (2014). Strategi dan faktor mempengaruhi perlaksanaan etika kerja Islam (EKI): Kajian kes di JCorp. *Global Journal Al-Thaqafah*, 4(1): 97–111.

Nordin, N., Embong, R., Daud, N., Ismail, S. K., Salleh, S. F., dan Ahmad, A. A. (2019). The Islamic ethical principles in commodity derivatives contracts. *Journal of Legal, Ethical and Regulatory Issues*, 22(Special Issue 1): 1–5.

Nordin, N., Daud, N., Ahmad, A. A., Bakar, N. A., dan Ali, E. M. T. E. (2015). Gharar in forward and futures contracts? *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(2): 435–441.

Omar, N. H., Awang, A., dan Manaf, A. A. (2012). Integriti dari perspektif pengaduan awam: Kajian kes di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia. *Jurnal E-Bangi*, 7(1): 141–155.

Qal‘ahji, M. R. (1999). *Al-Mu‘amat al-maliyyah al-mu‘asirah*. Al-Urdun: Dar al-Nafa‘is.

Rahim, R. A. A. (2000). Etika penyelidikan Islam: satu analisa. *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 1(1): 177–196.

Rahman, M. M. A. (2004). Sejarah penulisan dan pembukuan hadith: Satu sorotan. *Jurnal Usuluddin*, 19(1): 115–138.

Rokhman, W. A., Muwafiq, M., dan Mustikhan, I. A. (2018). The value of Adl in socio-economic life according to Islamic perspective. *Jurnal Ekonomi Syariah Teori dan Terapan*, 5(1): 51–66.

Salleh, M. S. (2011, July 4). Sindrom ‘boncengan gratis’ dalam dunia akademik. *Utusan Malaysia*.

Hassan, S. A. dan Khairuldin, W. M. K. F. W. (2020). Research Design Based on Fatwa Making Process: An Exploratory Study. *International Journal of Higher Education*, 9(6): 241-246.

Sims, R. L. (1993). The relationship between academic dishonesty and unethical business practices. *Journal of Education for Business*, 68(4): 207-211.

Stanford Encyclopedia of Philosophy. (23rd of February 2016). Integrity. Diakses dari:  
<http://plato.stanford.edu/entries/integrity/>

Sultana, F. (2018). The false equivalence of academic freedom and free speech: Defending academic integrity in the age of white supremacy, colonial nostalgia, and anti-intellectualism. *ACME: An International E-Journal for Critical Geographies*, 17(2): 228–257.

Syibir, M. ‘U. (1996). Al-Mu‘amalat al-maliyah al-mu‘asirah fi al-fiqh al-Islami. Urdun: Dar al-Nafa’is.

Talib, N. (2016). Masalah plagiarisme dan amalan penggunaan Turnitin dalam kalangan pelajar siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 8(2): 1–15.

Widang, I. dan Fridlund, B. (2003). Self-respect, dignity and confidence: Conceptions of integrity among male patients. *Journal of Advanced Nursing*, 42(1): 47–51.

Yasin, M. F. M., Embong, A. H., Khairuldin, W. M. K. F. W., Sulaiman, R. @ A. R., Dollah, A. @ A., Said, S., dan Abdul Mutualib, N. (2018). Contributions of technology towards development of Qur’anic tajweed knowledge. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 9(6): 1340–1352.

Yusoff, H. S. (2017). Amalan boncengan gratis dalam penulisan akademik dari perspektif Islam (Tesis Master). Universiti Sains Malaysia.

Yusoff, N. H. (2019). Integriti akademik dalam kalangan mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). *GEOGRAFIA Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4): 179–190.

Yusoff, N. H. dan Geraldine, L. (2020). Penipuan sijil akademik: Implikasi terhadap integriti institusi pendidikan. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(1): 15–25. <https://doi.org/10.17576/JPEN-2020-45.01-02>